

PENGARUH FAKTOR DALAMAN TERHADAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA BAHASA ARAB (PSMBA) MENGIKUT PANDANGAN PARA PENSYARAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) MALAYSIA

Khairatul Akmar Ab Latif (Corresponding Author)

khairatulakmar@kuis.edu.my

Ahmad Redzudin Ghazali

Mohd Rofian Ismail

Md Noor Hussin

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pandangan para pensyarah mengenai pengaruh psikologi (sikap, motivasi dan persepsi) terhadap para pelajar bahasa Arab, Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Kajian dijalankan ke atas 37 orang pensyarah yang mengajar PSMBA pada tahun akhir dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan daripada lima buah IPTA yang menawarkan PSMBA. IPTA yang terlibat iaitu UKM, UPM, UM, UIAM dan USIM. Kajian tinjauan dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Data-data dihuraikan menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai menggunakan perisian SPSS versi 19. Hasil kajian mendapati para pensyarah bersetuju bahawa semua faktor dalaman atau sahsiah pelajar terhadap PSMBA di 5 IPTA di Malaysia adalah positif. Data sikap pelajar secara keseluruhan menunjukkan ($min=2.59$, $sd=0.98$) iaitu sikap yang positif dan cemerlang. motivasi keseluruhan pula adalah ($min= 2.65$, $sd=0.95$) dengan motivasi yang positif dan cemerlang serta persepsi ($min= 2.44$, $sd=1.02$) yang menunjukkan persepsi para pelajar terhadap PSMBA di IPTA di Malaysia adalah positif dan cemerlang. Beberapa cadangan turut dikemukakan yang melibatkan faktor dalaman antaranya ialah para pelajar perlu lebih bermotivasi dan mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih baik. Oleh yang demikian, para pelajar - dengan kerjasama pensyarah - mesti memainkan peranan yang lebih aktif dalam meningkatkan kemahiran berbahasa di samping menguasai ilmu-ilmu asas bahasa Arab dalam kurikulum program bahasa Arab di peringkat Sarjana Muda.

Kata kunci: sikap, motivasi, persepsi, program sarjana muda bahasa Arab (PSMBA).

1. Pendahuluan

Penguasaan yang baik dalam kemahiran berbahasa dan ilmu-ilmu bahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang mengikuti program pengkhususan bahasa Arab di IPTA. Ini kerana pelajar menghabiskan tempoh masa yang lama iaitu hampir empat hingga lima tahun untuk menyempurnakan pengajian mereka sehingga akhirnya dianugerahkan sekeping sijil menandakan keupaya mereka yang khusus dalam bahasa Arab. Dengan sijil ini juga pelajar berpeluang untuk melangkah lebih jauh ke hadapan bersesuaian dengan kemahiran yang mereka miliki.

Menurut Abdul Halim Mohamed (2009) dan Ismail Suardi (2008), kejayaan sesuatu kurikulum dapat dinilai dengan tahap kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pelajar. Dalam konteks bahasa Arab, kemahiran dan pengetahuan yang dimaksudkan adalah penguasaan terhadap empat kemahiran asas berbahasa Arab dan kemahiran ilmu bahasa Arab. Kemahiran asas iaitu meliputi kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis (Rahimi 2005). Manakala kemahiran menguasai ilmu-ilmu bahasa Arab iaitu kemahiran ilmu Nahu, Sorf, Balaghah, Tarikh al-Adab dan sebagainya.

Jaseem (1996) dan Rahimi (2005) antara kelemahan tersebut iaitu kurangnya minat, penurunan tahap motivasi belajar, sikap belajar yang sambil lewa dan beberapa faktor lain yang melibatkan faktor-faktor shahsiah serta dalaman pelajar. Kelemahan yang disebabkan oleh faktor shahsiah boleh mencacatkan keseluruhan penguasaan kemahiran berbahasa. Kelemahan tersebut akan menyebabkan pelajar menghadapi pelbagai kesukaran dalam menguasai kemahiran berbahasa dengan baik.

Kelemahan yang dimiliki pelajar menjejaskan matlamat pembelajaran baik secara teori mahupun praktikal. Akhirnya, matlamat pembelajaran yang dirancang tidak dapat dicapai (Husaini 2007). Perkara ini patut disedari seawal mungkin agar ia tidak memudaratkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang sedang dilalui oleh para pelajar terutama pelajar bahasa Arab.

2. Persoalan Kajian

Kajian ini ingin menjelaskan lagi pandangan dan pendapat para pensyarah terhadap para pelajar berkaitan dengan beberapa faktor psikologi yang dikaji berkaitan dengan PSMBA. Tumpuan kajian ini dapat dilihat dalam beberapa persoalan kajian yang telah digariskan iaitu:

1. Apakah pendapat para pensyarah tentang sikap pelajar terhadap PSMBA.
2. Bagaimanakah motivasi pelajar terhadap PSMBA mengikut pendapat para pensyarah.
3. Apakah pendapat para pensyarah tentang persepsi pelajar terhadap PSMBA.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai menggunakan perisian SPSS versi 19. Para responden terdiri daripada para pensyarah yang mengajar PSMBA di tahun akhir pengajian di 5 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia yang menawarkan program bahasa Arab iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Data-data diperolehi melalui kaedah kajian lapangan yang melibatkan pengedaran set soalan soal selidik kepada para responden terbabit seramai 40 orang tetapi hanya 37 pensyarah sahaja yang memulangkan semula set soalan soal selidik terbabit dengan jawapan yang sempurna.

Dalam kajian ini nilai purata kurang daripada 3 adalah menunjukkan sikap yang positif manakala nilai yang melebihi 3 dianggap sebagai negatif (1 = sangat setuju, 2 = setuju, 3 = tak pasti, 4 = tak setuju, 5 = sangat tidak setuju). Dapatan daripada data-data dihuraikan bersama dengan beberapa kajian lepas yang kemudiannya disempurnakan dengan beberapa cadangan dan penambahbaikan bagi faedah kajian yang akan datang.

4. Penemuan Kajian Dan Perbincangan

a. Pandangan Pelajar Aspek Faktor Dalaman (Sikap) terhadap Bahasa Arab

Jawapan pelajar dari aspek faktor dalaman (sikap) terhadap bahasa Arab dapat dilihat dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 Data kekerapan dan peratus jawapan para pensyarah dari aspek faktor dalaman (sikap) pelajar terhadap bahasa Arab

No.	Pernyataan	PENSYARAH					Purata	Sisihan Piawai	Jumlah /peratus
		Sangat Setuju /peratus	Setuju /peratus	Tidak pasti /peratus	Tidak setuju /peratus	Sangat tidak setuju /peratus			
a1	Pelajar-pelajar suka membuat latihan bahasa Arab	4/10.8	16/43.2	<u>12/32.4</u>	5/13.5	0/0	2.48	0.869	37/100
a2	Pelajar-pelajar sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab	<u>6/16.2</u>	<u>20/54.1</u>	3/8.1	8/21.6	0/0	2.35	1.005	37/100
a3	Pelajar-pelajar suka mengadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab	4/10.8	15/40.5	5/13.5	<u>13/35.1</u>	0/0	2.72	1.071	37/100
a4	Pelajar-pelajar berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai bahasa Arab	3/8.1	15/40.5	9/24.3	10/27	0/0	2.70	0.967	37/100
a5	Aktiviti-aktiviti bahasa Arab yang diadakan tidak membosankan pelajar-pelajar	3/8.1	<u>21/56.8</u>	<u>11/29.7</u>	2/5.4	0/0	2.32	0.709	37/100
a6	Masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran bahasa Arab adalah mencukupi bagi pelajar-pelajar	<u>6/16.2</u>	17/45.9	2/5.4	10/27	<u>2/5.4</u>	2.59	1.212	37/100
a7	Pelajar-pelajar sentiasa menunggu-	<u>6/16.2</u>	11/29.7	10/27	10/27	0/0	2.64	1.059	37/100

a8	nunggu aktiviti-aktiviti bahasa Arab diadakan Pelajar-pelajar rasa senang hati jika dapat mengikuti aktiviti-aktiviti bahasa Arab	5/13.5	18/48.6	7/18.9	7/18.9	0/0	2.43	.9586	37/100	
a9	Pelajar-pelajar sedar bahawa kemahiran berbahasa penting bagi mereka untuk terus maju ke hadapan dalam bidang bahasa Arab	<u>6/16.2</u>	15/40.5	6/16.2	10/27	0/0	2.54	1.069	37/100	
a10	Pelajar-pelajar lebih suka jika aktiviti-aktiviti bahasa Arab diadakan sepanjang masa	3/8.1	12/32.4	10/27	<u>11/29.7</u>	<u>1/2.7</u>	2.86	1.031	37/100	
a11	Pelajar-pelajar cukup berbangga kerana dapat mengikuti program bahasa Arab ini	2/5.4	15/40.5	<u>13/35.1</u>	7/18.9	0/0	2.67	.8516	37/100	
a12	Pelajar-pelajar berusaha untuk menguasai semua kemahiran berbahasa Arab	3/8.1	7/18.9	10/27	<u>17/45.9</u>	0/0	3.10	0.993	37/100	
a13	Program bahasa Arab yang dilalui oleh pelajar-pelajar ini membantu mereka menghubungkan kaitkan teori dan amali bahasa Arab	<u>10/27</u>	13/35.1	8/21.6	6/16.2	0/0	2.27	1.044	37/100	
a14	Pelajar-pelajar tekun dalam mengikuti subjek-subjek bahasa Arab	3/8.1	<u>19/51.4</u>	7/18.9	8/21.6	0/0	2.54	0.930	37/100	
a15	Pelajar-pelajar amat meminati semua subjek bahasa Arab yang diajar	3/8.1	15/40.5	<u>11/29.7</u>	7/18.9	<u>1/2.7</u>	2.67	0.973	37/100	
Purata Keseluruhan		4.49/ 12.54	15.26/ 41.24	8.26/ 21.86	8.73/ 23.64	0.26/ 0.72	2.59	0.983	37/100	150/100

4.1 Huraian: Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai

Melalui data yang diperoleh daripada jawapan pensyarah dalam item faktor dalaman "sikap", secara umumnya menunjukkan purata sebanyak 4.49 pensyarah yang telah menjawab *sangat setuju* dengan purata peratus antara 12.54 peratus, 15.26 pensyarah telah menjawab *setuju* dengan mewakili sebanyak 41.24 peratus, 8.26 pensyarah telah menjawab *tidak pasti* yang mewakili sebanyak 21.86 peratus, 8.73 pensyarah menjawab *tidak setuju* yang mewakili sebanyak 23.64 peratus dan 0.26 pensyarah telah menjawab *sangat tidak setuju* yang mewakili sebanyak 0.72 peratus.

Jawapan *sangat setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Program bahasa Arab ini membantu menghubungkan kait teori dan amali bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 10 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 27 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Kemahiran berbahasa penting untuk maju ke hadapan dalam bidang bahasa Arab, Sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti bahasa Arab, Masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran bahasa Arab adalah mencukupi dan Sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 6 orang pensyarah telah menjawab jawapan dalam jumlah yang sama menyamai 16.2 peratus.

Manakala jawapan *setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Aktiviti-aktiviti bahasa Arab tidak membosankan* dengan jumlah sebanyak 21 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 56.8 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 20 orang pensyarah dengan 54.1 peratus dan kenyataan *Tekun dalam mengikuti subjek-subjek bahasa Arab* dengan jumlah jawapan sebanyak 19 orang pensyarah dengan 51.4 peratus.

Dalam masa yang sama, jawapan *tidak pasti* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Meminati dan berasa bertuah kerana dapat mengikuti program bahasa Arab ini* dengan jumlah sebanyak 13 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 35.1 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Suka membuat latihan bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 12 orang pensyarah dengan 32.4 peratus dan kenyataan *Aktiviti-aktiviti bahasa Arab tidak membosankan* dengan jumlah jawapan sebanyak 11 pensyarah mewakili sebanyak 29.7 peratus.

Demikian pula jawapan *tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Bertekad untuk memiliki semua kemahiran berbahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 17 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 45.9 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Suka membuat aktiviti-aktiviti bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 13 orang pensyarah dengan 35.1 peratus dan kenyataan *Suka jika aktiviti-aktiviti bahasa Arab diadakan sepanjang masa* dengan jumlah jawapan sebanyak 11 pensyarah mewakili sebanyak 29.7 peratus.

Akhir sekali, jawapan *sangat tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran bahasa Arab adalah mencukupi* dengan jumlah sebanyak 2 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 5.4 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Suka jika aktiviti-aktiviti bahasa Arab diadakan sepanjang masa dan Meminati semua subjek bahasa Arab yang diajar* dengan jumlah sebanyak 1 orang pensyarah dengan 2.7 peratus.

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar dalam mempelajari bahasa Arab pada pandangan pensyarah adalah positif. Nilai min keseluruhan yang dicapai oleh

jawapan para pensyarah menunjukkan purata sebanyak 2.59. Kajian menunjukkan bahawa pensyarah bersetuju dengan program bahasa Arab yang dilalui oleh pelajar-pelajar ini membantu mereka menghubungkan kaitkan teori dan amali bahasa Arab (min = 2.27). Aktiviti-aktiviti bahasa Arab yang diadakan menarik minat para pelajar (min = 2.32). Pelajar-pelajar juga sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab (min = 2.35).

Manakala purata yang paling sedikit diperoleh daripada kenyataan pensyarah bahawa pelajar-pelajar berusaha untuk menguasai semua kemahiran berbahasa Arab (min = 3.10). Ini diikuti pula dengan kenyataan bahawa pelajar-pelajar lebih suka jika aktiviti-aktiviti bahasa Arab diadakan sepanjang masa (min = 2.86). Pelajar-pelajar suka mengadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab (min = 2.72). Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan sikap pelajar dalam kajian ini terhadap bahasa Arab, mengikut pandangan pensyarah adalah positif.

b. Pandangan Pelajar Aspek Faktor Dalaman (motivasi) terhadap Bahasa Arab

Jawapan pelajar dari aspek faktor dalaman (motivasi) terhadap bahasa Arab dapat dilihat dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2 Data kekerapan dan peratus jawapan pensyarah dari aspek faktor dalaman (motivasi) pelajar terhadap bahasa Arab

No.	Pernyataan	PENSYARAH				Sangat tidak setuju/%	Kekerapan/peratus	Purata	Sisihan Piawai
		Sangat Setuju/%	Setuju/%	Tidak pasti/%	Tidak setuju/%				
b1	Walaupun tidak diminta oleh guru, pelajar-pelajar tetap tekun melakukan latihan-latihan bahasa Arab	3/8.1	4/10.8	11/29.7	<u>19/51.4</u>	0/0	37/100	3.24	0.954
b2	Pelajar-pelajar dilihat sering mempraktikkan bahasa Arab dengan pelajar asing yang berbahasa Arab untuk memahirkan kemahiran berbahasa mereka	3/8.1	8/21.6	<u>13/35.1</u>	13/35.1	0/0	37/100	2.97	0.957
b3	Pelajar-pelajar kelihatan amat risau jika tidak menguasai kemahiran berbahasa dan ilmu bahasa Arab selepas tamat belajar sesuatu mata pelajaran Arab	3/8.1	6/16.2	<u>17/45.9</u>	11/29.7	0/0	37/100	2.97	0.897
b4	Pelajar-pelajar dilihat sering menggunakan kamus untuk membantu mereka dalam mencari makna-makna perkataan yang tidak difahami	4/10.8	<u>21/56.8</u>	4/10.8	8/21.6	0/0	37/100	2.43	0.958
b5	Pelajar-pelajar	4/10.8	<u>21/56.8</u>	8/21.6	4/10.8	0/0	37/100	2.32	0.818

	dilihat sering bertanya kawan-kawan atau guru untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sekiranya terdapat sebarang masalah dalam bahasa Arab								
b6	Pelajar-pelajar dilihat sering memperuntukkan tempoh masa yang tertentu dalam sehari untuk mempelajari dan mempraktikkan bahasa Arab	4/10.8	7/18.9	<u>16/43.2</u>	9/24.3	<u>1/2.7</u>	37/100	2.89	0.993
b7	Sekurang-kurangnya, pelajar-pelajar dilihat akan cuba mendalami bahasa Arab melalui bacaan Al-Qur'an dan Hadith Nabi yang mereka baca	4/10.8	17/45.9	10/27	6/16.2	0/0	37/100	2.48	0.9012
b8	Pelajar-pelajar dilihat akan merasa seronok jika mereka dapat mempraktikkan bahasa Arab dengan kawan-kawan samada yang berbangsa Arab atau tidak	<u>6/16.2</u>	14/37.8	11/29.7	6/16.2	0/0	37/100	2.45	0.960
b9	Pelajar-pelajar tidak kelihatan berasa malu dengan kesalahan yang tidak disengajakan berlaku semasa mempraktikkan bahasa Arab	5/13.5	15/40.5	6/16.2	11/29.7	0/0	37/100	2.62	1.063
b10	Pelajar-pelajar biasanya akan menggunakan bahasa Arab dengan kawan-kawan dan guru-guru yang boleh berbahasa Arab	3/8.1	8/21.6	10/27	<u>16/43.2</u>	0/0	37/100	3.05	0.998
b11	Pelajar-pelajar sering meminta bantuan guru-guru dan rakan-rakan dalam menguasai bahasa Arab	4/10.8	<u>19/51.4</u>	9/24.3	4/10.8	<u>1/2.7</u>	37/100	2.43	0.929
b12	Persekitaran universiti dapat membantu pelajar-pelajar menguasai bahasa Arab	<u>6/16.2</u>	12/32.4	3/8.1	<u>15/40.5</u>	<u>1/2.7</u>	37/100	2.81	1.221
b13	Kemudahan-kemudahan yang	5/13.5	17/45.9	3/8.1	12/32.4	0/0	37/100	2.59	1.091

b14	disediakan dapat membantu pelajar-pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab Melalui program bahasa Arab ini, pelajar-pelajar dilihat berpeluang untuk mempraktikkan bahasa Arab dengan cara berinteraksi dengan pelajar dan pensyarah dari negara Arab dengan lebih berkesan dengan penuh keyakinan	<u>6/16.2</u>	17/45.9	7/18.9	7/18.9	0/0	37/100	2.40	0.984
b15	Melalui kecenderungan para pelajar, program ini dilihat dapat memotivasikan mereka untuk mendalami bidang bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi	<u>12/32.4</u>	14/37.8	6/16.2	4/10.8	<u>1/2.7</u>	37/100	2.13	1.084
Purata Keseluruhan		5/ 13.06	13.3/ 36.02	8.9/ 24.12	9.6/ 26.1	0.2/ 0.7	37/100	2.65	0.957

4.2 Huraian: Kekерapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai

Melalui data yang diperoleh daripada jawapan pensyarah dalam item faktor dalaman "motivasi", secara umumnya menunjukkan purata sebanyak 4.8 pensyarah yang telah menjawab *sangat setuju* dengan purata peratus antara 12.96 peratus, 13.3 pensyarah telah menjawab *setuju* dengan mewakili sebanyak 36.02 peratus, 8.9 pensyarah telah menjawab *tidak pasti* yang mewakili sebanyak 24.12 peratus, 9.6 pensyarah menjawab *tidak setuju* yang mewakili sebanyak 26.1 peratus dan 0.2 pensyarah telah menjawab *sangat tidak setuju* yang mewakili sebanyak 0.7 peratus.

Jawapan *sangat setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Progran ini memotivasikan untuk mendalami dalam bidang bahasa Arab keperingkat yang lebih tinggi* dengan jumlah sebanyak 12 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 32.4 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Merasa seronok jika dapat mempraktikkan bahasa Arab dengan kawan-kawan samada yang berbangsa Arab atau tidak* dan *Persekitaran universiti membantu menguasai bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 6 orang pensyarah telah menjawab jawapan dalam jumlah yang sama menyamai 16.2 peratus.

Manakala jawapan *setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Menggunakan kamus untuk membantu dalam mencari makna-makna perkataan yang tidak difahami* dan *Bertanyakan kawan-kawan atau pensyarah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sekiranya terdapat sebarang masalah dalam bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 21 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 56.8 peratus, kemudian diikuti pula

dengan kenyataan *Pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan sering membantu menguasai bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 19 orang pensyarah dengan 51.4 peratus.

Dalam masa yang sama, jawapan *tidak pasti* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Amat risau jika tidak menguasai kemahiran berbahasa dan ilmu bahasa Arab selepas tamat belajar* dengan jumlah sebanyak 17 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 45.9 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Memperuntukkan tempoh masa yang tertentu dalam sehari untuk mempelajari dan mempraktikkan bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 16 orang pensyarah dengan 43.2 peratus dan kenyataan *Sering mempraktikkan bahasa Arab dengan pelajar asing yang berbahasa Arab untuk memahirkan kemahiran berbahasa* dengan jumlah jawapan sebanyak 13 pensyarah mewakili sebanyak 35.1 peratus.

Demikian pula jawapan *tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Membuat latihan-latihan kemahiran bahasa Arab walaupun tidak diminta* dengan jumlah sebanyak 19 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 51.4 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Tidak akan menggunakan bahasa yang lain selain bahasa Arab dengan kawan-kawan dan pensyarah-pensyarah yang boleh berbahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 16 orang pensyarah dengan 43.2 peratus dan kenyataan *Persekitaran universiti membantu menguasai bahasa Arab* dengan jumlah jawapan sebanyak 15 pensyarah mewakili sebanyak 40.5 peratus.

Akhir sekali, jawapan *sangat tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Program ini memotivasikan untuk mendalami dalam bidang bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi, Persekitaran universiti membantu menguasai bahasa Arab, Pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan sering membantu menguasai bahasa Arab dan Memperuntukkan tempoh masa yang tertentu dalam sehari untuk mempelajari dan mempraktikkan bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 1 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 2.7 peratus.

Secara keseluruhannya, pada pandangan pensyarah, kajian menunjukkan bahawa motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab ini adalah positif. Nilai min keseluruhan yang dicapai oleh jawapan para pelajar menunjukkan purata sebanyak 2.65. Kajian menunjukkan, pensyarah berpandangan bahawa melalui kecenderungan pelajar, program ini dilihat dapat memotivasikan mereka untuk mendalami bidang bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi (min = 2.13). Pelajar-pelajar sering bertanyakan kawan-kawan atau pensyarah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sekiranya terdapat sebarang masalah dalam bahasa Arab (min = 2.32). Pelajar-pelajar dilihat sering menggunakan kamus untuk membantu mereka dalam mencari makna-makna perkataan yang tidak difahami (min = 2.42).

Manakala purata yang paling sedikit diperoleh daripada pandangan pensyarah bahawa walaupun tidak diminta oleh pensyarah, pelajar-pelajar tetap tekun melakukan latihan-latihan bahasa Arab (min = 3.24). Ini diikuti pula dengan pelajar-pelajar biasanya akan menggunakan bahasa Arab dengan kawan-kawan dan pensyarah-pensyarah yang boleh berbahasa Arab (min = 3.05). Mereka juga akan membuat latihan-latihan kemahiran bahasa Arab walaupun tidak diminta oleh pensyarah (min = 2.62). Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan motivasi pelajar dalam kajian ini terhadap bahasa Arab adalah positif.

c. Pandangan Pelajar Aspek Faktor Dalam (persepsi) terhadap Bahasa Arab

Jawapan pensyarah dari aspek faktor dalaman (persepsi) pelajar terhadap bahasa Arab dapat dilihat dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3 Data kekerapan dan peratus jawapan para pensyarah dari aspek faktor dalaman (persepsi) pelajar terhadap bahasa Arab

No.	Pernyataan	PELAJAR Sangat Setuju/%	Setuju/%	Tidak pasti/ %	Tidak setuju/ %	Sangat tidak setuju/ %	Kekerapan/ peratus	Purata	Sisihan Piawai
c1	Pelajar-pelajar dilihat boleh menguasai kemahiran berbahasa Arab dengan baik	4/10.8	14/37.8	8/21.6	9/24.3	<u>2/5.4</u>	37/100	2.75	1.115
c2	Pelajar-pelajar memahami setiap perkataan bahasa Arab dengan tepat dan betul	2/5.4	12/32.4	<u>10/27</u>	<u>11/29.7</u>	<u>2/5.4</u>	37/100	2.97	1.040
c3	Pelajar-pelajar dilihat mempunyai minat yang untuk mendalami ilmu-ilmu Islam lain melalui bahasa Arab.	<u>14/37.8</u>	16/43.2	5/13.5	2/5.4	0/0	37/100	1.86	0.855
c4	Kemampuan menguasai bahasa Arab dengan baik oleh sesetengah pelajar menjadikan mereka lebih hadapan berbanding dengan orang yang tidak menguasainya	<u>12/32.4</u>	12/32.4	7/18.9	5/13.5	<u>1/2.7</u>	37/100	2.21	1.133
c5	Pelajar-pelajar dilihat memerlukan tempoh masa yang panjang untuk menguasai bahasa Arab dengan baik	7/18.9	<u>19/51.4</u>	5/13.5	6/16.2	0/0	37/100	2.27	0.961
c6	Pelajar-pelajar dilihat berkeyakinan bahawa dengan berkemahiran dalam bahasa Arab dapat menjamin kerjaya mereka di masa depan	<u>10/27</u>	14/37.8	7/18.9	5/13.5	<u>1/2.7</u>	37/100	2.27	1.096
c7	Pelajar-pelajar dilihat berkeyakinan bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang mudah dipelajari	3/8.1	16/43.2	8/21.6	10/27	0/0	37/100	2.67	0.973
c8	Pelajar-pelajar di tahun akhir dilihat mampu bercakap menggunakan bahasa Arab dengan baik	5/13.5	<u>19/51.4</u>	4/10.8	8/21.6	<u>1/2.7</u>	37/100	2.48	1.070
c9	Pelajar-pelajar di tahun akhir dilihat mampu menulis dalam bahasa Arab	4/10.8	14/37.8	<u>9/24.3</u>	10/27	0/0	37/100	2.67	1.001

c10	dengan baik Pelajar-pelajar di tahun akhir dilihat mampu membaca dan memahami bahasa Arab dengan baik	6/16.2	17/45.9	2/5.4	<u>12/32.4</u>	0/0	37/100	2.54	1.120
c11	Pelajar-pelajar di tahun akhir dilihat mampu membuat rujukan dari sumber- sumber yang berbahasa Arab	6/16.2	17/45.9	3/8.1	<u>11/29.7</u>	0/0	37/100	2.51	1.095
c12	Program bahasa Arab ini dilihat mampu menyedarkan pelajar- pelajar tentang kepentingan ilmu-ilmu lain yang boleh dikuasai melalui penguasaan bahasa Arab	8/21.6	<u>18/48.6</u>	5/13.5	6/16.2	0/0	37/100	2.24	0.983
c13	Program bahasa Arab ini dilihat berjaya menimbul dan mengekalkan minat pelajar-pelajar secara berterusan untuk mendalami bahasa Arab	7/18.9	16/43.2	<u>9/24.3</u>	5/13.5	0/0	37/100	2.32	0.944
c14	Program bahasa Arab ini dilihat mampu membantu pelajar- pelajar menghubung kait teori dan amali bahasa Arab	8/21.6	14/37.8	<u>9/24.3</u>	6/16.2	0/0	37/100	2.35	1.005
c15	Pelajar-pelajar dilihat mendahulukan kemahiran mendengar dan bercakap daripada kemahiran menulis dan membaca mengikut keutamaan dalam berbahasa	6/16.2	13/35.1	<u>12/32.4</u>	6/16.2	0/0	37/100	2.48	0.960
Purata Keseluruhan		7/ 18.7	15.4/ 41.5	6.8/ 18.5	7.4/ 20.1	0.4/ 1.2	37/100	2.44	1.023

4.3 Huraian: Kekерapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai

Melalui data yang diperoleh daripada jawapan pensyarah dalam item faktor dalaman "motivasi", secara umumnya menunjukkan purata sebanyak 7 pensyarah yang telah menjawab *sangat setuju* dengan purata peratus antara 18.7 peratus, 15.4 pensyarah telah menjawab *setuju* dengan mewakili sebanyak 41.5 peratus, 6.8 pensyarah telah menjawab *tidak pasti* yang mewakili sebanyak 18.5 peratus, 7.4 pensyarah menjawab *tidak setuju* yang mewakili sebanyak 20.1 peratus dan 0.4 pensyarah telah menjawab *sangat tidak setuju* yang mewakili sebanyak 1.2 peratus.

Jawapan *sangat setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Bahasa Arab dapat membantu untuk mendalami ilmu-ilmu Islam lain* dengan jumlah sebanyak 14 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 37.8 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Kemampuan menguasai bahasa Arab dengan baik menjadikan lebih kehadapan berbanding dengan orang yang tidak menguasainya* dengan jumlah sebanyak 12 orang

pensyarah telah menjawab jawapan dalam jumlah yang sama menyamai 32.4 peratus serta kenyataan *Berkemahiran dalam bahasa Arab dapat menjamin kerjaya di masa depan* seramai 10 orang dengan 27 peratus.

Manakala jawapan *setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Menguasai bahasa Arab dengan baik memerlukan tempoh masa yang panjang* dan *Sekarang mampu bercakap menggunakan bahasa Arab dengan baik* dengan jumlah sebanyak 19 daripada 37 orang pensyarah telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 51.4 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Program ini menyedarkan tentang kepentingan ilmu-ilmu lain yang boleh dikuasai melalui penguasaan bahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 18 orang pensyarah dengan 48.6 peratus.

Dalam masa yang sama, jawapan *tidak pasti* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Dahulukan kemahiran mendengar dan bercakap daripada kemahiran menulis dan membaca mengikut keutamaan dalam berbahasa* dengan jumlah sebanyak 12 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 32.4 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Memahami setiap perkataan bahasa Arab dengan tepat dan betul* dengan jumlah sebanyak 10 orang pensyarah dengan 27 peratus dan kenyataan *Sekarang mampu menulis dalam bahasa Arab dengan baik, Program ini berjaya menimbulkkan dan mengekalkan minat secara berterusan untuk mendalami bahasa Arab* dan *Program ini membantu menghubungkan kait teori dan amali bahasa Arab* dengan jumlah jawapan sebanyak 9 pensyarah mewakili sebanyak 24.3 peratus.

Demikian pula jawapan *tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Sekarang mampu membaca dan memahami bahasa Arab dengan baik* dengan jumlah sebanyak 12 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 32.4 peratus, kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Memahami setiap perkataan bahasa Arab dengan tepat dan betul* dan *Sekarang mampu membuat rujukan dari sumber-sumber yang berbahasa Arab* dengan jumlah sebanyak 11 orang pensyarah dengan 29.7 peratus.

Akhir sekali, jawapan *sangat tidak setuju* terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Boleh menguasai kemahiran bahasa Arab dengan baik* dan *Memahami setiap perkataan bahasa Arab dengan tepat dan betul* dengan jumlah sebanyak 2 daripada 37 orang pensyarah yang mewakili sebanyak 5.4 peratus dan kemudian diikuti dengan kenyataan *Kemampuan menguasai bahasa Arab dengan baik menjadikan lebih ke hadapan berbanding dengan orang yang tidak menguasainya, Sekarang mampu bercakap menggunakan bahasa Arab dengan baik* dan *Berkemahiran dalam bahasa Arab dapat menjamin kerjaya di masa depan* sebanyak 1 pensyarah yang mewakili 2.7 peratus.

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab ini dari aspek pandangan pensyarah adalah positif. Nilai min keseluruhan yang dicapai oleh jawapan para pelajar menunjukkan purata sebanyak 2.44. Kajian menunjukkan, melalui pandangan pensyarah, pelajar-pelajar dilihat mempunyai minat yang untuk mendalami ilmu-ilmu Islam lain melalui bahasa Arab (min = 1.86). Pelajar yang berkemampuan menguasai bahasa Arab dengan baik menjadikan mereka lebih ke hadapan berbanding dengan orang yang tidak menguasainya (min = 2.21). Mereka dilihat memerlukan tempoh masa yang panjang untuk menguasai bahasa Arab dengan baik serta berkeyakinan bahawa dengan berkemahiran dalam bahasa Arab dapat menjamin kerjaya mereka di masa depan (min = 2.27).

Manakala purata yang paling sedikit diperoleh daripada pandangan pensyarah bahawa pelajar-pelajar mampu memahami setiap perkataan bahasa Arab dengan tepat dan betul (purata = 2.97). Ini diikuti pula, pelajar-pelajar dilihat boleh menguasai kemahiran berbahasa Arab dengan baik (purata = 2.75). Pelajar-pelajar dilihat berkeyakinan bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang mudah dipelajari. Pelajar-pelajar di tahun akhir dilihat mampu menulis dalam bahasa Arab dengan baik (purata = 2.67). Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan persepsi pelajar dalam kajian ini terhadap bahasa Arab pada pandangan pensyarah adalah positif.

PENUTUP

Sebagai penutupnya dinyatakan bahawa tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sumbangan faktor dalaman atau sahsiah iaitu sikap, motivasi dan persepsi melalui pandangan para pensyarah terhadap pembelajaran mereka dalam PSMBA di 5 IPTA di Malaysia yang menawarkan program tersebut.

Jelas sekali bahawa faktor-faktor dalaman tersebut memberi kesan dan sumbangan yang besar terhadap kemajuan dan kejayaan para pelajar dalam setiap bidang yang diceburi terutama dalam bidang pembelajaran. Pelajaran yang mempunyai faktor sahsiah yang cemerlang akan bersikap rajin serta mempunyai keazaman yang kuat untuk mencapai sesuatu yang diusahainya.

Ia juga turut menggambarkan bahawa kelemahan yang dihadapi oleh para pelajar dapat disimpulkan antaranya adalah berpunca dari sikap atau motivasi atau persepsi mereka yang negatif atau lemah dalam bidang pembelajaran mereka. Ini akan menyebabkan mereka akan bersikap dengan sikap yang negatif seperti malas, cuai, dan sebagainya serta mempunyai tahap motivasi yang rendah dengan semangat yang lemah serta persepsi yang negatif akan menjauhkan lagi mereka untuk turut serta dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh institusi pengajian.

Sikap, motivasi dan persepsi yang cemerlang perlu dibajai dan disemai sentiasa serta mendapat galakan yang berterusan juga daripada para pendidik atau pensyarah. Ini adalah untuk memastikan supaya segala faktor sahsiah yang baik tidak luntur daripada para pelajar yang mengharungi PSMBA dalam tempoh pengajian selama 3 atau 4 tahun dan supaya dapat memastikan ia kekal berpanjangan sepanjang hidup mereka.

RUJUKAN

Abdul Halim Mohamed. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1). 1-14. UKM.

Ahmad Atory Hussain. 2002. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Crow, L.D. & Crow, A. 1983. *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Husaini, Muhd Harun. 2007. *Tahlil Kutub Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiah Bil Muassasat At-Ta'limiah Al-'Ulya Al-Khassah*. Tesis Dr Fal, Universiti Malaya.

Ismail Suardi Wekke. 2008. Amalan pendidikan bahasa Arab berasaskan kepelbagaian budaya di pesantren Sulawesi Selatan, Indonesia. Tesis Dr Fal. UKM.

Jaseem, Ali Jaseem. 1992. *Fi Turuqta'lim Al-Arabiah Li Ghai An-Natiqinbiha*. Kuala Lumpur

Rahimi, Nik Mohd. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi di Sekolah-sekolah Agama kerajaan negeri. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia

Rozmi Ismail. 2011. *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Fatimah & Ab. Halim. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2) 2010 53 – 64.